

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah "Kempen Keselamatan Jalan Raya" yang dilaksanakan oleh Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) mengurangkan kadar kemalangan jalan raya? Adakah ia sebenarnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh JKJR untuk mengurangkan kemalangan jalan raya di negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi utama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) adalah untuk memberi advokasi secara berterusan merangkumi pelbagai kumpulan sasaran masyarakat awam. Antara kempen keselamatan jalan raya berskala besar yang dijalankan oleh JKJR dengan kerjasama pelbagai agensi lain yang terlibat seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, MIROS serta pelbagai agensi lain adalah kempen keselamatan jalan raya OPS Bersepadu yang dijalankan setiap tahun sempena musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

2. Jika dilihat daripada impak pelaksanaan Kempen OPS Bersepadu sempena Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, walaupun angka kematian akibat nahas kemalangan jalan raya meningkat daripada 248 kes pada tahun 2018 kepada 249 kes kematian pada tahun ini, namun rekod

kemalangan maut yang telah dicatatkan menunjukkan penurunan daripada 235 kes pada tahun 2018 kepada 232 kes pada tahun 2019.

3. Selain daripada itu, JKJR juga menjalankan advokasi keselamatan jalan raya berskala kecil secara berterusan memfokuskan kepada kumpulan sasaran tertentu seperti penunggang motosikal, golongan pelajar sekolah dan pemandu bas untuk meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan golongan tersebut.

4. Selain daripada itu, JKJR juga bergiat aktif berkolaborasi dengan pihak swasta untuk melaksanakan advokasi keselamatan jalan raya menerusi pameran interaktif di seluruh Malaysia khususnya untuk memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya akan kepentingan kesedaran terhadap keselamatan jalan raya.

5. Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan melalui JKJR dan MIROS dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia juga telah memulakan pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di peringkat sekolah rendah pada tahun 2018 dan akan diteruskan di peringkat sekolah menengah, taska dan prasekolah bermula tahun hadapan. Diharap dengan pelaksanaan PKJR ini pada seawal usia, ianya dapat membentuk generasi Malaysia yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan jalan raya.

6. Kementerian Pengangkutan memandang serius akan isu keselamatan jalan raya ini dan mengurangkan kadar kematian akibat nahas jalan raya telah menjadi sebahagian agenda penting dalam Kementerian Pengangkutan. Justeru itu, Kementerian Pengangkutan menyeru semua agensi Kerajaan agar dapat berganding bahu untuk memastikan hasrat untuk melihat Malaysia meningkat maju tanpa kehilangan modal insan akibat nahas jalan raya dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.